



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BILANGAN 1/2023**

GARIS PANDUAN DAN TATACARA PENAMATAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK DI BAWAH AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960 [AKTA 530] YANG DIMAJUKAN OLEH LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA) ATAU LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH PERSEKUTUAN (FELCRA)

1. TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di Negeri Sembilan mengenai garis panduan dan tatacara penamatan sebahagian atau keseluruhan kawasan penempatan berkelompok di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] yang dimajukan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) atau Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)

2. LATAR BELAKANG

2.1 Seksyen 44(1) Akta 530 memperuntukkan bahawa:

“44. (1) The State Authority, in consultation with the Minister, may by notification in the Gazette, declare that the whole or any part of the area

within a group settlement area shall cease to be a group settlement area for the purpose of this Act:

Provided that the consultation shall not be necessary where the land within a group settlement area does not constitute a Federal Development area.”.

- 2.2 Dalam hal ini, perkataan “Minister” dan “*Federal Development area*” ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta 530 seperti yang berikut:

“Minister” means the Minister charged with responsibility for the Development Authority except for the purpose of section 44(1), it means the Minister charged with the responsibility in respect thereof if it is so notified by an order made by the Yang di-Pertuan Agong under the Ministerial Functions Act 1969.

“Federal Development area” means a group settlement area declared under section 4 for the purposes of subsection 34(2).”

- 2.3 Seksyen 34 Akta 530 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membenarkan Pihak Berkuasa Pembangunan (*Development Authority*) untuk membangunkan mana-mana tanah negeri sebagai kawasan berkelompok dan bagi tujuan tersebut satu perjanjian boleh ditandatangani di antara Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Pembangunan tersebut berkenaan perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (g) subseksyen 34(1) Akta 530. Kawasan tersebut selanjutnya akan terletak hak kepada Pihak Berkuasa Pembangunan. Pihak Berkuasa Pembangunan atau “*Development Authority*” ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta 530 sebagai “*the Federal Land Development Authority established by the Land Development Act 1955 [Act 474]*”.

- 2.4 Di bawah Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 3) 2021 [P.U.(A) 383/2021] bertarikh 8 Oktober 2021 selaras dengan Akta Fungsi-

Fungsi Menteri 1969 [Akta 2] memperuntukkan FELDA dan Akta 530 di bawah tanggungjawab Perdana Menteri Malaysia manakala FELCRA pula diletakkan di bawah tanggungjawab Menteri Pembangunan Luar Bandar. Memandangkan kedudukan ini maka bagi mematuhi keperluan subseksyen 44(1) Akta 530, ulasan daripada Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada FELDA dan Akta 530 perlulah diperolehi terlebih dahulu sebelum Pihak Berkuasa Negeri menamatkan kawasan penempatan berkelompok yang terlibat di bawah FELDA manakala ulasan daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah bagi kawasan penempatan berkelompok yang terlibat di bawah FELCRA.

3. PELAKSANAAN

- 3.1. Pentadbir Tanah apabila menerima permohonan untuk menamatkan kawasan penempatan berkelompok di bawah seksyen 44(1), Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] hendaklah memastikan pemohon mengemukakan 6 salinan pelan kawasan yang akan ditamatkan daripada kawasan penempatan berkelompok dengan ditanda merah sempadannya dan 6 salinan pelan pra-hitungan (*pre-comp plan*) kawasan yang hendak ditamatkan yang disediakan oleh Jurukur Tanah Berlesen. Pentadbir Tanah hendaklah membuat siasatan tanah dan juga mendapatkan ulasan daripada pihak Ibu Pejabat FELDA atau FELCRA.
- 3.2. Pentadbir Tanah hendaklah mengemukakan permohonan penamatan tersebut kepada Bahagian Kawal Selia FELDA, Jabatan Perdana Menteri atau Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah untuk mendapatkan kelulusan Menteri yang bertanggungjawab. Maklumat dan dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:
 - i. Tujuan/justifikasi pembatalan/penamatan;

- ii. Warta kawasan penempatan berkelompok yang menunjukkan peruntukan undang-undang bagi pewartaannya, tarikh warta dan luas keseluruhan kawasan yang diwartakan;
 - iii. Pelan warta kawasan penempatan berkelompok;
 - iv. Pelan kawasan yang akan ditamatkan daripada kawasan penempatan berkelompok dengan ditanda merah sempadannya;
 - v. Pelan pra-hitungan (*pre-comp plan*) kawasan yang akan ditamatkan daripada kawasan penempatan berkelompok dengan ditanda merah sempadannya; dan
 - vi. Surat ulasan daripada Ibu Pejabat FELDA atau FELCRA
- 3.3. Setelah mendapat kelulusan Menteri yang bertanggungjawab, Pentadbir Tanah akan menyediakan draf kertas pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dan dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian (PTG) untuk disemak dan seterusnya diangkat untuk pertimbangan dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).
- 3.4. Setelah mendapat kelulusan PBN, Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan untuk mewartakan pembatalan tersebut.
- 3.5. Carta alir proses kerja permohonan untuk menamatkan kawasan penempatan berkelompok di dalam kawasan FELDA atau FELCRA di bawah seksyen 44(1), Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] seperti di **Lampiran A**.

4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

- 4.1. Pekeliling PTGNS Bil 1/2022 adalah dengan ini dibatalkan.
- 4.2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 19/2022 - Garis Panduan Dan

Tatacara Penamatan Sebahagian Atau Keseluruhan Kawasan Penempatan Berkelompok Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] Yang Dimajukan Oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Atau Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)

- 4.3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(AMINO AGOS BIN SUYUB)

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh : 26 Januari 2023

Rujukan : Bil (48) dlm.PTGNS 10/14 klt.5

CARTA ALIR

GARIS PANDUAN DAN TATACARA PENAMATAN KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK DI DALAM KAWASAN FELDA ATAU FELCRA DI BAWAH 44(1), AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960 [AKTA 530]





